

DINAMIKA ORIENTASI PEMIKIRAN DAN PENDIDIKAN INSTITUSIPONDOK DI Kelantan



DINAMIKA ORIENTASI  
PEMIKIRAN DAN  
**PENDIDIKAN  
INSTITUSI  
PONDOK DI**  
*Kelantan*







DINAMIKA ORIENTASI  
PEMIKIRAN DAN  
**PENDIDIKAN  
INSTITUSI  
PONDOK DI**

*Kelantan*

Nik Yusri Musa  
Nur Azuki Yusuff  
Ateerah Abdul Razak

### **Hak Cipta Penerbit UMK, 2023**

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.



Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman. Editor Perolehan: Nur Fatimah Pahazri. Konsep dan Susun Atur Huruf: Siti Aishah Binti Mokhtar. Pembaca Pruf: Zaliha Noor. Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad.

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

16310 Bachok, Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak oleh:

GRAHAM MEDIA

Lot 2720, Ground Floor, Jalan Permata 4,

Taman Permata Hulu Kelang

53300 Kuala Lumpur

## KANDUNGAN

Senarai Jadual dan Model	ix
Senarai Singkatan Kata	xi
Prakata	xiii
Pendahuluan	xv
<b>BAB 1</b>	
<b>INSTITUSI PENDIDIKAN PONDOK DI KELANTAN DAN ALIRAN PEMIKIRAN ISLAM</b>	1
Pendahuluan	1
Institusi Pendidikan Pondok di Kelantan	2
Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Persatuan Pondok Tumpat (PPT)	4
Aliran Pemikiran Umat Islam	7
Aliran Salaf	7
Aliran Khalaf	9
Aliran Pemikiran Umat Islam di Nusantara	11
Aliran Pemikiran Tradisionalisme	11
Aliran Pemikiran Reformis (Islah)	14
Kesimpulan	15
<b>BAB 2</b>	17
<b>ORIENTASI SISTEM PENDIDIKAN DAN PEMIKIRAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN PONDOK</b>	
Pendahuluan	17
Orientasi Sistem Pendidikan Pondok	17
Pemikiran Pendukung Institusi Pondok	18
Isu Semasa Institusi Pendidikan Pondok	21

Penerokaan Strategi Pemulihan Sistem Pendidikan dan Aliran Pemikiran	23
Kesimpulan	27
<b>BAB 3</b>	29
<b>PROFIL INSTITUSI PONDOK YANG BEROPERASI DI KELANTAN</b>	
Pendahuluan	29
Profil Institusi Pondok di Kelantan	29
Institusi Pondok Lama dan Masih Stabil	30
Pondok Baharu	48
Pondok untuk Masyarakat Berumur	65
Kesimpulan	69
<b>BAB 4</b>	71
<b>ORIENTASI PEMIKIRAN DAN PENDIDIKAN INSTITUSI PONDOK DI KELANTAN DAN KESANNYA KEPADA POLA PEMIKIRAN DAN PENGAMALAN SYARIAT DALAM KALANGAN MASYARAKAT</b>	
Pendahuluan	71
Analisis Orientasi Aliran Pemikiran	71
Senarai Keseluruhan Kitab Pengajian di Pondok dan Analisis Berkaitannya	73
Senarai Kitab Yang Dipelajari di Pondok Aliran Pemikiran Tradisional	74
Senarai Kitab Yang Dipelajari di Pondok Aliran Pemikiran Tajdid atau Islah	75
Kelayakan Pendiri dan Pengajar Pondok	77
Sumber Pendapatan dan Penjanaan	78
Isu Kebajikan Terhadap Guru dan Murid	18

Perspektif Masyarakat Islam Kini Berkaitan Sumbangan Atau Impak Institusi Pendidikan Pondok Terhadap Pola Pemikiran Dan Pengamalan Syariat Dalam Kalangan Masyarakat	80
Rumusan Dapatan	90
Kesimpulan	91
<b>BAB 5</b>	93
<b>STRATEGI PEMULIHAN SISTEM PENDIDIKAN DAN ALIRAN PEMIKIRAN PONDOK</b>	
Pendahuluan	93
Strategi Penambahbaikan Institusi Pendidikan Pondok	93
Strategi Berasaskan Model Pembangunan Institusi Pondok	104
Kesimpulan	105
Lampiran	107
Glosari	109
Bibliografi	111
Indeks	115
Biodata Penulis	117





## SENARAI JADUAL DAN MODEL

Jadual 1	Pondok sebagai institusi pendidikan agama yang penting di Kelantan	81
Jadual 2	Pondok memberi kesan yang besar kepada cara berfikir masyarakat	82
Jadual 3	Pondok menggalakkan masyarakat untuk berfikir dengan lebih terbuka	82
Jadual 4	Pondok membantu masyarakat untuk memahami Islam dengan lebih jelas	83
Jadual 5	Pondok menawarkan pemikiran Islam yang paling tepat	83
Jadual 6	Pondok mempengaruhi masyarakat untuk berpegang dengan aliran yang ekstrem	84
Jadual 7	Hanya pondok mempertahankan dan memperjuangkan aliran ahli sunnah wal-jama'ah yang sebenar	84
Jadual 8	Pondok melahirkan masyarakat yang mengamalkan ajaran agama	85
Jadual 9	Pondok menganjurkan amalan zikir yang bertepatan dengan sunnah	85
Jadual 10	Pondok mempunyai hubungan sosial yang baik dengan masyarakat	86
Jadual 11	Pondok mementingkan aspek kebersihan dan pengurusan sumber alam yang baik.	86
Jadual 12	Pondok menyelesaikan banyak permasalahan masyarakat	87
Jadual 13	Pondok menjadi tempat rujukan utama masyarakat dalam isu-isu agama	87

Jadual 14	Pondok menawarkan amalan ibadat khusus tertentu dalam kehidupan masyarakat	88
Jadual 15	Pondok berperanan sebagai sebuah institusi yang menyatukan umat Islam	88
Jadual 16	Pendidikan pondok membantu masyarakat untuk lebih memahami al-Quran dan sunah	89
Jadual 17	Pondok boleh menerima aliran pemikiran Islam yang berbeza dengan mereka	89
Model 1	Cadangan Pembangunan Institusi Pondok	104

## SENARAI SINGKATAN KATA

a.s	Alaihis Salam
ASWJ	Ahli Sunnah wa al-Jamaah
BA	Ijazah Sarjana Muda (Bachelor of Art)
Dr.	Doktor
En.	Encik
FBI	Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
H	Hijrah
hb.	haribulan
Hj.	Haji
JAHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
JAKIM	Jabatan Agama Islam Malaysia
M	Masehi
MA	Master of Art
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
NGO	Badan Bukan Kerajaan
PEMIKIR	Pusat Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan Insan
Ph.D	Ijazah Kedoktoran
PnP	Pengajaran dan pembelajaran
PPPB	Pusat Pembangunan Pondok Berhad
PPT	Persatuan Pondok Tumpat
PPADK	Pusat Pengajian Al-Quran Darul Kautsar
PULO	Pertubuhan Pembebasan Bersatu Patani
PSD	Pondok Sungai Durian
r.a.	radhiaLlahu ‘anhu
ROS	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
RM	Ringgit Malaysia
RMIC	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
SAW	SollaLlahu ‘alaihi Wasallam

STUP	Sijil Tinggi Agama Pondok
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SMU	Sijil Menengah Agama
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UM	Universiti Malaya
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
YDPA	<i>Yang DiPertuan Agong</i>
YIK	<i>Yayasan Islam Kelantan</i>

## PRAKATA

Buku *Dinamika Orientasi Pemikiran dan Pendidikan Institusi Pondok di Kelantan* ini adalah hasil kajian berkaitan kesan orientasi pemikiran dan pendidikan institusi pondok kepada pola pemikiran dan pengamalan syariat masyarakat Kelantan. Buku ini merupakan inisiatif ahli akademik Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan UMK dengan bantuan penuh daripada Bahagian penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) selaku pemberi dana dan urus setia dalam menyempurnakan kajian “Orientasi Pemikiran dan Pendidikan Institusi Pondok di Kelantan”. Ia merupakan satu wacana penting dalam memartabatkan bidang penyelidikan pendidikan Islam yang berteraskan institusi pendidikan pondok di Malaysia khususnya pemikiran dan pengamalan sistem pendidikan Islam di Kelantan. Kami membincangkan segala sudut institusi pendidikan dari aspek yang diobjektifkan oleh pihak JAHEAIK. Ia turut dikembangkan dengan maklumat tambahan hasil penemuan langsung dan tidak langsung semasa proses pengumpulan dan analisis data.

Penyumbang dalam penghasilan buku ini terdiri daripada kumpulan penyelidik PEMIKIR, tokoh pengajian pondok, perunding, wakil komuniti, dan masyarakat tempatan. Bab-bab dalam buku ini asalnya dari analisis data primer dan sekunder hasil kajian yang telah dijalankan dan sepanjang tahun 2021 dan 2023. Selain tanda penghormatan kepada pihak penyumbang dana (JAHEAIK), matlamat buku ini diterbitkan bagi menjadi rujukan penggubal dasar, kepimpinan negara dan para ilmuwan dalam bidang pendidikan Islam, pemikiran, kemasyarakatan, sosiobudaya, malah ia boleh dirujuk oleh pembuat polisi, pelajar dan sebagai bacaan umum.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada JAHEAIK yang telah memberi dana dan pihak RMIC yang menguruskan geran penyelidikan ini. Kami juga amat berterima kasih kepada semua penyelidik Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan dan perunding pakar, terutamanya ahli jawatankuasa pondok. Pihak kami juga ingin menyatakan ucapan terima kasih kepada pihak RMIC UMK dan Pejabat Bendahari UMK. Begitu juga rakan PEMIKIR, FBI, UMK yang membantu dalam pemantapan buku ini.

Kami turut terhutang budi terutamanya urus setia Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) yang telah bersama dengan kami untuk melengkapkan pelaporan kajian. Begitu juga kepada pembantu penyelidik, enumerator, agensi dalam dan luar serta individu lain yang terlibat dalam memberi kerjasama menjayakan kajian dan penulisan buku ini.

Kepada semua yang tidak dinyatakan di sini, kami ucapkan jutaan terima kasih kerana telah sama-sama bekerjasama dalam penghasilan buku ini.

**Nik Yusri Musa**

**Nur Azuki Yusuff**

**Ateerah Abdul Razak**

## PENDAHULUAN

Judul buku ini menepati usaha penulis dalam menjelaskan kehendak pembaca dan kumpulan kerja dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan laporan kajian yang diserahkan kepada pihak JAHEAIK, penulis telah menstrukturkan semula buku ilmiah ini kepada lima bab.

Sebelum mengulas lebih lanjut berkenaan lima bab yang terdapat dalam buku ini, penerangan akan dimulakan dengan definisi operasi tajuk buku supaya pembaca akan lebih memahami kandungan buku ini. Secara terminologinya orientasi pemikiran ialah arah aliran yang diikuti menjadi landasan bagi sesuatu pergerakan, pemikiran atau perjuangan. Manakala maksud pemikiran ialah cara atau kaedah memikirkan sesuatu yang akhirnya dapat membentuk suatu ketetapan untuk melihat kehidupan dan hidup di alam nyata.

Orientasi pemikiran dan pendidikan ini melihat kepada kajian yang memberi fokus kepada institusi pendidikan pondok ini. Orientasi pemikiran institusi pendidikan pondok telah diterjemahkan melalui kurikulum yang menjadi silibus pengajian di sesebuah institusi pendidikan pondok. Kajian ini berusaha untuk mendapatkan silibus atau kurikulum pendidikan pondok dalam usaha mengenal pasti orientasi pemikiran sesebuah institusi pondok secara umumnya.

Kamus Dewan Edisi Baharu (1993) mendefinisikan pendidikan ialah perihal mendidik. Selain itu, pendidikan juga ilmu yang merujuk kepada ilmu didik, mendidik, didikan, latihan dan ajaran. Perkataan pendidikan berakar umbi daripada perkataan 'didik' yang membawa maksud ajar, bimbing, bentuk dan asuh. Menurut perkataan Inggeris pula, pendidikan adalah 'Education' iaitu perkataan yang berasal daripada Latin 'Educare' yang bermaksud mengasuh, memelihara dan juga membimbing. Oleh itu, melalui definisi tersebut dapatlah difahami pendidikan merupakan proses pertumbuhan ke arah yang lebih baik bagi mencapai kesempurnaan akal, mental dan juga perkembangan jasmani.

Perkataaan ‘pondok’ dari sudut bahasa bererti rumah kecil yang didiami oleh seorang atau dua orang. Jika ditinjau dalam istilah orang-orang Melayu Malaysia, ia merupakan suatu kawasan tempat belajar ilmu-ilmu tradisi Islam secara sistem halaqah. Ia dinamakan pondok adalah disebabkan kawasan tempat belajar tersebut berkeluasan antara satu hingga dua ekar, dipenuhi dengan ratusan pondok yang didirikan oleh para pelajar yang ingin memondok di pondok tersebut, ibarat seperti asrama penuh dan setiap pelajar akan memondok dalam jangka masa yang panjang. Kemudian, sesebuah pondok akan dikenali berdasarkan guru yang mengasaskannya atau ia dinisbahkan kepada nama tempat di mana ia didirikan.

Bagi kandungan Bab 1, ia lebih kepada pengenalan asas berkaitan institusi pendidikan pondok di Kelantan dan aliran pemikiran Islam. Perbincangan dimulakan dengan pengenalan kepada institusi pendidikan pondok dan melihat secara khusus institusi pendidikan pondok di Kelantan. Terdapat beberapa institusi yang mengawal selia institusi ini di Kelantan iaitu Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Persatuan Pondok Tumpat (PPT)

Seterusnya perbincangan diteruskan dengan melihat kepada aliran pemikiran umat Islam utama iaitu aliran salaf dan khalaf. Kemudian dilanjutkan kepada aliran pemikiran umat Islam di Nusantara yang terdiri daripada aliran tradisionalisme (ilmu kalam, ilmu fiqah dan ilmu tasawuf) dan aliran pemikiran reformis atau islah.

Bab 2 adalah mengenai orientasi sistem pendidikan dan pemikiran di institusi pendidikan Pondok. Di samping orientasi sistem pendidikan, dibincangkan juga pemikiran pendukung institusi pondok, isu semasa institusi pondok serta penerokaan strategi pemulihan sistem pendidikan dan aliran pemikirannya.



Bab 3 pula dilanjutkan dengan perbincangan terperinci berkaitan profil beberapa institusi pondok yang beroperasi di Kelantan. Pondok di Kelantan terdiri daripada pondok-pondok yang sudah lama dan stabil, pondok baharu dan pondok untuk masyarakat berumur. Pondok-pondok yang sudah lama dan stabil seperti Madrasah Diniyah Bakriah di Pasir Tumboh, Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Dinniah (Lubok Tapoh), Pondok Muhamadiyah Sungai Durian, Pusat Pengajian Pondok (Pondok Moden), Pondok Al-Fununiah Al-Ghazaliah, Pondok Muhammadiyah Beta Hilir

Manakala pondok baharu seperti Pondok Darul Kautsar Kuchelong di Bachok, Pondok Ihya' Al-Ulum dan Madrasah Syukriah di Paloh Rawa, Madrasah Nur Muhammad dan Pondok al-Hasibin di Tok Jawa, Madrasah Islamiyah Ahbab al-Mustafa, Pondok al-Irfan al-Islamiyah dan Madrasah Tahfiz al-'Ulum di Tumpat, dan Madrasah Ribat Al-Mustafa, Madrasah Ihya' Ulumuddin dan Madrasah Tarbiyatul Aulad di Sungai Kenerong. Pondok untuk masyarakat berumur ialah Pondok Adiniyyah Ismail di Bukit Tanah, Pondok Saidina Abu Bakar As-Siddiq dan Pondok Hidayah di Machang.

Dalam Bab 4, diketengahkan maklumat berkaitan orientasi pemikiran dan pendidikan institusi pondok di Kelantan dan kesannya kepada pola pemikiran dan pengamalan syariat dalam kalangan masyarakat. Antara kandungannya ialah berkaitan analisis orientasi aliran pemikiran, senarai keseluruhan kitab-kitab pengajian di pondok dan analisis berkaitannya, kelayakan pendiri dan pengajar pondok, sumber pendapatan dan penajaan, dan isu kebajikan terhadap guru dan murid. Antara lain, terdapat juga perspektif masyarakat Islam kini berkaitan sumbangan atau impak institusi pendidikan pondok terhadap pola dan akhir sekali berkaitan pemikiran dan pengamalan syariat dalam kalangan masyarakat.

Bab terakhir iaitu Bab 5 merupakan aspek yang paling penting dalam mengemukakan berkaitan strategi pemulihan sistem pendidikan dan aliran pemikiran. Bab ini dimulai dengan strategi penambahbaikan institusi pendidikan pondok dari sudut pandangan umum semua pihak.

Kemudiannya cadangan penambahbaikan kepada MAIK atau JAHEAIK, cadangan penambahbaikan kepada institusi pondok dan cadangan berdasarkan Teknik Delphi. Seterusnya dikemukakan bersama strategi berasaskan model pembangunan institusi pondok.

Secara mudahnya buku ini membawa pembaca untuk melihat secara kritis bentuk-bentuk pemikiran warga pondok semasa yang sudah melalui kedinamikan berbanding orientasi pondok dahulu. Begitu juga perubahan sistem pendidikan yang telah sedikit sebanyak mengubah sudut pandang masyarakat kini terhadap institusi pondok yang memberi kesan kepada bentuk penerimaan masyarakat Islam di Malaysia amnya.

# **BAB 1**

## **INSTITUSI PENDIDIKAN PONDOK DI KELANTAN DAN ALIRAN PEMIKIRAN ISLAM**

### **PENDAHULUAN**

Bab pertama mengetengahkan penceritaan am berkaitan institusi pendidikan pondok semasa merujuk kepada disiplin pemikiran dan pendidikan. Perbincangan menampakkan memberi fokus kepada kehidupan sosial dan pemikiran penuntut ilmu agama serta situasi yang melingkungi kehidupan sosial mereka yang berpotensi menyumbang pengaruh kepada projek pembangunan pendidikan Islam dalam bab-bab yang seterusnya.

### **INSTITUSI PENDIDIKAN PONDOK**

Institusi pendidikan pondok terhasil daripada cetusan institusi pengajian Islam yang bermula di rumah, beranda (suffah), masjid dan juga istana. Sekolah pondok dinamakan ‘pondok’ sempena perkataan bahasa Arab ‘funduq’ yang membawa maksud rumah penginapan. Oleh itu, pelajar yang datang belajar akan disediakan penginapan mereka dalam bentuk yang ringkas. Setiap pondok akan didiami tiga hingga empat orang pelajar bagi memudahkan mereka menuntut, tanpa perlu berulang-alik.

Bermatlamatkan untuk menyampaikan ilmu agama yang berbentuk fardu ain dan fardu kifayah kepada umat Islam, institusi ini amat berperanan dalam membentuk keperibadian Muslim yang sempurna. Sistem pengajian di institusi pondok lebih kemas dengan struktur pengajiannya melalui kaedah menadah kitab dan duduk di sekeliling tuan guru dalam bentuk bulatan atau setengah bulatan yang disebut halakah, tanpa kerusi, meja